

29 MAR 1997

Muhammad-Kesal

MUHAMMAD KESAL SIKAP SESETENGAH PIHAK PERBESAR ISU NEGATIF

SHAH ALAM, 29 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib kesal dengan sikap sesetengah pihak yang membesar-besarkan isu negatif mengenai Selangor tanpa melihat pelbagai kejayaan yang dicapai negeri ini selama ini.

Katanya, seolah-olah kejadian negatif itu sangat mustahak untuk diperkatakan berbanding dengan kejayaan yang dicapai.

"Kita akui kesilapan yang berlaku tetapi saya kesal melihat terdapat kecenderungan sesetengah pihak yang membesar-besarkan aspek negatif yang berlaku di Selangor," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Projek Kecemerlangan Pelajar Selangor Kurun ke-21 (K21) di sini.

Ketika mengulas isu pembangunan tanah bukit secara berleluasa di negeri ini yang hangat diperkatakan sekarang berikutan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya ia disiasat, beliau berkata kerajaan negeri berjanji akan memperbaiki keadaan itu dan beliau sendiri akan memastikannya.

Muhammad berkata Kerajaan Negeri menubuhkan jawatankuasa khas untuk bertindak menyelia perjalanan projek di zon-zon kritikal (termasuk di lereng bukit) untuk memastikan pemaaju-pemaaju menepati syarat-syarat yang ditetapkan tanpa sebarang kompromi.

Ketika berucap, Muhammad mahu para pelajar didedahkan kepada pelbagai aspek pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) supaya mereka tidak canggung, takut dan ketinggalan untuk menempatkan diri seiring dengan perkembangan terbaru itu sebaliknya mampu menguasai teknologi multimedia.

"Ini juga memastikan wujudnya bekalan tenaga mahir yang cukup bagi menyokong pembangunan MSC," katanya.

Beliau mencadangkan supaya Projek K21 itu juga menjalankan "Projek Angkat Saintis Muda" dengan menjadikan pelajar cemerlang sebagai anak angkat kepada organisasi pembangunan sains dan teknologi.

Katanya, ini memberi peluang kepada pelajar untuk belajar menerusi tajaan dan juga berpeluang menimba pengetahuan dengan lawatan ke mercu tanda pembangunan sains dan teknologi seperti Lembah Silikon di Amerika Syarikat.

Beliau mahu projek K21, dengan kerjasama sekolah, masjid dan pusat pengajian tinggi, juga berusaha melahirkan sebanyak mungkin pelajar yang mampu menjadi model teladan untuk membimbing rakan sebaya ke arah aktiviti sihat dan bebas daripada gejala sosial.

Projek K21 itu dijalankan oleh Majlis Pengembangan Kreativiti dan Inovasi Selangor (Mangkin) dalam usaha untuk melahirkan pelajar cemerlang menuju abad ke-21. -- BERNAMA

MNY AKD